

Suami terlampau

Lelaki tuduh isteri curang rodok alat sulit dengan kayu uli capati, botol sos

Metro 24/7/12
MS 25.

>>Oleh Ravale Savarinathan
am@hmetro.com.my

TELUK INTAN: Amat malang bagi seorang isteri yang menjadi mangsa kekejaman suaminya yang menggunakan kayu pengelek tepung capati dan botol sos cili untuk merodok kemaluan wanita itu sehingga menyebabkan mangsa pengsan akibat tidak dapat menahan kesakitan di rumah mereka di Jalan Sultan Abdullah, di sini, semalam.

Dalam kejadian jam 4 pagi itu, lelaki berusia 37 tahun itu dikatakan pulang ke rumah dalam keadaan mabuk lalu menyerang isterinya.

Ketua Polis Daerah Hilir Perak, Asisten Komisioner Goh Kok Liang berkata, sebaik masuk ke dalam rumah, suspek menuduh isterinya



"Lebih kejam apabila suspek melakukan serangan seksual terhadap isterinya yang ketika itu sudah hampir pitam akibat dibelasah"

>Asisten Komisioner Goh Kok Liang

curang menjalin hubungan dengan lelaki lain lalu berlaku pertengkaran antara mereka.

"Pertengkaran itu bertukar menjadi agresif apabila suspek memukul mangsa dengan kayu pengelek tepung menyebabkan mangsa berusia 36 tahun itu cedera di

kepala dan lebam bahu kanan.

"Lelaki itu terus membelasah isterinya bertubi-tubi tanpa menghiraukan dua anaknya yang menyaksikan kejadian itu.

"Lebih kejam apabila suspek melakukan serangan seksual terhadap isterinya

Fakta

Selepas pulih dari mabuk, lelaki itu melawat isterinya di hospital, tetapi ditahan polis yang sedang ambil keterangan mangsa

yang ketika itu sudah hampir pitam akibat dibelasah," katanya.

Menurutnya, suspek sengaja memasukkan kayu penguli dan botol sos cili ke dalam kemaluan isterinya menyebabkan mangsa menderita kesakitan.

"Lelaki itu melarikan diri sebelum jiran mangsa membantu menghantar wanita malang itu mendapatkan rawatan di Hospital Teluk Intan (HTI) dan keadaannya kini dilaporkan stabil," ka-

tanya semalam.

Menurut Goh, suspek yang pulih daripada mabuk kemudian melawat isterinya yang terlantar di HTI sekitar jam 12 tengah hari semalam.

"Anggota polis yang kebetulan berada di hospital untuk mengambil keterangan mangsa terus menahan lelaki berkenaan dan membawanya ke IPD Hilir Perak untuk disoal siasat.

"Lelaki itu kini ditahan reman lima hari bermula semalam untuk membantu siasatan mengikut Seksyen 377(c)(a) Kanun Keseksaan," katanya.

Menurutnya, suspek turut disiasat mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan kerana mendatangkan kecederaan kepada seseorang yang boleh membawa hukuman penjara tidak lebih 20 tahun dan sebatan.